



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “ AMANAH DAN KEPIMPINAN ”

14 Oktober 2022 / 17 Rabiul Awal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ<sup>1</sup>:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ ﴿٢٧﴾ ﴾

(Surah al-Anfal, ayat 27)<sup>2</sup>

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Para Jemaah Rahimakumullah,

Marilah kita tingkatkan kecintaan kepada Allah SWT dengan beriman dan bertakwa; melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Nya, mentaati dan tidak menderhakai Nya, mengingati dan tidak melupakan Nya, mensyukuri dan tidak mengkufuri Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini terus mendapat petunjuk dan hidayah Nya, dianugerahkan kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Mimbar akan memperdengarkan khutbah yang bertajuk: “ AMANAH DAN KEPIMPINAN ”.

Amanah mengungkapkan maksud yang amat luas, bukan sekadar bersikap jujur dan benar dalam urusan kehidupan, malah turut mencakupi setiap tanggungjawab atau tugas yang wajib dilaksanakan. Amanah dikaitkan dengan sifat seseorang yang boleh dipercayai. Amanah menjadi petunjuk akan tahap keimanan seseorang sebagaimana Nabi SAW menegaskan bahawa tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah.

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Kepimpinan ialah suatu keperluan dan elemen penting membina kekuatan sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat yang dihasratkan. Kepimpinan ialah proses seseorang pemimpin mempengaruhi orang lain bagi mencapai matlamat bersama. Pemimpin yang hebat memiliki wawasan, pandangan dan matlamat untuk membawa kemajuan kepada organisasi dan membawa kesejahteraan kepada orang yang berada di bawah pimpinannya.

Setiap manusia adalah pemimpin; bagi dirinya, bagi keluarganya, bagi rakyatnya atau bagi semua yang bertanggung di bawahnya, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinya. Kuasa yang dimiliki oleh pemimpin merupakan amanah yang wajib disempurnakan selaras dengan hadis daripada Abu Zar *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا أَمَانَةٌ، فَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ، إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا، وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا.

Bermaksud: Sesungguhnya kepimpinan adalah amanah, ia akan membawa kehinaan dan penyesalan pada hari kiamat kecuali bagi orang yang mendapatkannya dengan kebenaran dan melaksanakan kewajipan-kewajibannya. **(Riwayat Muslim)**

Pemimpin yang tulen diumpamakan sebagai khadam yang mengabdikan diri untuk orang lain, diberi upah sesuai dengan usaha dan kerja yang disempurnakan seperti yang digambarkan dalam kisah seorang tabiin; Abu Muslim al-Khawlani, pernah memanggil Khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan sebagai **Ajir**, iaitu orang upahan dan bukannya gelaran **Amir**, iaitu pemimpin, lalu berkata kepadanya, “Sesungguhnya engkau hanyalah seperti seorang penggembala yang diberi upah oleh tuan punya kambing agar menjaganya. Apabila engkau memelihara kebersihannya, mengubati penyakit yang dideritainya, dan menjaga seluruh kambing daripada sebarang bahaya, maka tuannya akan memberi kamu upah, sedangkan jika berlaku sebaliknya, tuan kambing akan mengenakan kamu denda”.

Ketika diangkat sebagai khalifah, Sayidina Abu Bakar *Radiallahuanhu* telah meminta agar pemimpin dibantu sekiranya mereka benar, dan diperbetulkan sekiranya mereka bertindak salah. Begitu juga pidato Sayidina Umar al-Khattab *Radiallahuanhu* ketika pelantikannya sebagai khalifah, meminta agar pemimpin dan yang dipimpin saling memperingatkan antara satu sama lain.

### **Para tetamu yang dirahmati Allah,**

Amanah ialah satu tanggungjawab yang amat berat sehinggakan langit, bumi dan gunung ganang yang besar tidak sanggup memikulnya, tetapi manusia bersedia untuk memikul amanah yang amat berat ini sekalipun manusia itu memiliki kelemahan dan kekurangan,



suka berbuat zalim dan suka membuat perkara yang sia-sia. Firman Allah:

﴿ إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴾  
(72)

Bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakan (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya (ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”.

(Surah al-Ahzab, ayat 72)

Hari ini semakin ramai ummah yang terlupa bahawa jawatan ialah amanah Illahi, amanah negara, amanah organisasi dan amanah dari sesama umat manusia. Semakin ramai ummah yang melihat jawatan sebagai kedudukan untuk digunakan bagi kepentingan diri, kepentingan keluarga dan kepentingan kroni, lalu mengalpakan tanggungjawab yang sepatutnya dipenuhi. Insaflah! Setiap jawatan ialah amanah yang dikembari dengan tanggungjawab. Amanah yang dipertanggungjawabkan di dunia ini, akan ditanya di Padang Mahsyar pada hari kebangkitan nanti, sama ada amanah tersebut telah disempurnakan memenuhi tuntutan Illahi.

Jangan sama sekali melakukan pecah amanah atau bersifat zalim ketika diamanahkan dengan tanggungjawab kepimpinan. Insaflah orang-orang yang teraniaya dan dizalimi, orang-orang yang dinafikan hak mereka, dan orang-orang yang menderita memamah pahit kehidupan kerana perbuatan pecah amanah, kesemua mereka akan menjadi saksi ketika Allah SWT menimbang pahala dan dosa kita di Mahkamah Rabbuljalil; ketika itu, kita tidak ada lagi peguam bela untuk menjadi jurubicara bermain kata-kata dan memutarbelitkan hujah untuk menegakkan benang yang basah. Di Padang Mahsyar, setiap anggota kita secara sukarela akan menjadi saksi menceritakan segala perbuatan yang telah kita lakukan. Sesungguhnya, Allah SWT melihat setiap apa yang kita lakukan di dunia ini, diberikan pembalasan sesuai dengan apa yang kita usahakan; firman Allah SWT:

﴿ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴾  
(105)



Bermaksud: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”

(Surah at-Taubah, ayat 105)

Justeru itu, orang-orang yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin, dan orang-orang yang menawarkan diri untuk menjadi pemimpin, wajib memiliki sifat ikhlas menyempurnakan tanggungjawab dengan penuh amanah; memiliki kekuatan untuk menjauhkan diri daripada sebarang perbuatan penyelewengan dan sogokan rasuah. Berwaspada dengan pengaruh yang boleh merosakkan melalui hasutan dan bisikan kaum kerabat dan rakan-rakan, termasuk pembantu-pembantu di sekeliling kita. Ketika Khalifah Abu Bakar mengutus Yazid bin Sufyan ke negeri Syam, beliau memberikan ingatan, “Wahai Yazid! Kamu seorang yang mempunyai banyak kerabat di Syam. Janganlah sampai mereka mempengaruhi kuasa mu, dan saya sangat bimbang jika hal itu terjadi pada diri mu”.

#### Para jemaah yang dimuliakan,

Mimbar memperingatkan;

**Pertama:** Keutamaan menjaga amanah ialah tidak mengkhianati Allah dan Rasul Nya. Orang yang mengkhianati amanah termasuk dalam ciri-ciri orang munafik.

**Kedua:** Pemimpin adalah orang yang telah diberikan tanggungjawab berat yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT, jika berjaya disempurnakan dengan amanah, akan dianugerahkan ganjaran pahala amat besar.

**Ketiga:** Pemimpin wajib memiliki, menghayati dan mengamalkan sifat amanah, serta menghindarkan diri daripada melakukan pecah amanah.

**Keempat:** Pemimpin hendaklah dipilih, dan jawatan hendaklah diserahkan kepada orang-orang yang memiliki sifat amanah. Menyerahkan kuasa dan jawatan kepada orang yang tidak beramanah laksana menyerahkan kambing untuk dijaga oleh serigala.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَاللَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتَّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, kurniai negara kami pemimpin yang beriman dan beramanah serta mempunyai rasa takut kepada Tuhan Pemilik segala kerajaan. Berikan petunjuk Mu, membimbing kami agar memilih dengan bijaksana pemimpin yang benar-benar ikhlas, jujur, telus dan amanah untuk menggalas tanggungjawab memimpin negara.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.